



AMAD BAHRI MARDI | BERITA HARIAN

PENDUDUK Taman Kemang di Kota Tinggi membersihkan perkakas rumah yang digenangi air banjir selepas dibenarkan pulang ke rumah mereka, semalam.

Mangsa banjir terima sumbangan RM50,000

Bantuan Parlimen Pontian kurang beban 151 keluarga

Banjir



Oleh Togi Marzuki
bhjb@bharian.com.my

PONTIAN: Parlimen Pontian menyerahkan sumbangan RM50,000 kepada mangsa banjir yang ditempatkan di 10 pusat pemindahan banjir kerana bersimpati dengan kesukaran dialami mereka akibat dilanda bencana itu.

Ahli Parlimen Pontian, Datuk Ahmad Maslan, berkata sumbangan berkenaan membabitkan 606 mangsa daripada 151 keluarga di pusat pemindahan banjir termasuk di Kampung Parit Ramunia, Permatang Sepam, Permatang Duku, Parit Wahab, Parit Jabir, Parit Serom, Lubuk Sipat, Tampok Laut, Parit Mansor dan

Parit Seraya.

Katanya, sumbangan yang diberikan itu bukan saja bertujuan meringankan beban yang dialami mangsa banjir, malah ia boleh memberikan sokongan moral untuk mereka menghadapi waktu kesukaran ketika banjir.

“Program ini tanda keprihatinan

“Program ini tanda keprihatinan kita dan mampu meringankan beban perbelanjaan harian golongan kurang bernasib baik yang perlu kelengkapan terus hidup pada waktu kritikal ini”

Ahmad Maslan
Ahli Parlimen Pontian

kita dan mampu meringankan beban perbelanjaan harian mereka terutama golongan kurang bernasib baik yang kita sedia maklum memang memerlukan kelengkapan untuk meneruskan hidup pada waktu kritikal seperti banjir ini.

“Sumbangan diberikan ini diharapkan mampu membawa keceriaan terutama kepada warga tua dan kanak-kanak yang tentu saja kurang selesa ketika berada di pusat pemindahan sementara berkenaan,” katanya.

Sementara itu, mangsa banjir, Normah Suradi, 60, berkata sumbangan yang diberikan itu jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan membantu mangsa banjir bagi memastikan mereka tidak berasa dipinggirkan.

“Saya bersyukur dengan sumbangan ini dan berharap banjir kali ini tidak berulang seperti banjir besar pada 2006 yang melumpuhkan semua pergerakan sedia ada,” katanya.